

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 38

RUANGAN : WM

DARI MUKA 37

"Walaupun prosedur berkenaan nampak ringkas dan biasa, namun tidak sepatutnya seorang pendandan kecantikan diberikan kepercayaan untuk menjalankan prosedur pergigian.

"Selain itu, ada juga golongan yang menguar-uarkan perkhidmatan mereka di media sosial dan mempunyai 'klinik' sementara di bilik hotel atau perkhidmatan dari rumah ke rumah.

"Ramai dalam kalangan mereka hanya 'mempelajari' kemahiran pergigian melalui tontonan video di YouTube, namun berani melakukan rawatan seperti memasang pendakap gigi sehingga prosedur venir," katanya.

Profesor Liang Lin berkata, agak pelik apabila sesetengah masyarakat mudah termakan umpan 'doktor gigi' haram itu.

Untuk rawatan gigi yang patah misalnya, 'doktor gigi haram' hanya menyambungkan gigi palsu kepada gigi asal menggunakan dawai atau seumpamanya.

Katanya, pelanggan tidak sedar bahawa gigi palsu itu sebenarnya tidak berfungsi dan menyebabkan kerosakan kepada gusi dan gigi asal di sebelah gigi palsu itu.

"Gigi asal akan mereput dan menyebabkan radang gusi apabila makanan terimpak," katanya.

Mengulas lanjut, Profesor Liang Lin berkata, apabila menyebut sahaja klinik gigi dan doktor gigi, masih ramai berasa takut dan gerun, faktor mengapa ada dalam kalangan masyarakat tertarik dengan 'rawatan pergigian' yang dilakukan di salon kecantikan.

Kata beliau, salon kecantikan menawarkan keselesaan yang menjadi penarik utama, sekali gus menghilangkan persepsi yang ada.

"Apabila pergi untuk mendapatkan rawatan muka dan ke spa, ia adalah satu pengalaman yang menyenangkan dan menyeronokkan berbeza apabila memikirkan doktor gigi yang membuatkan ramai berasa gerun serta takut.

"Pelanggan pula ada hubungan yang baik dengan pendandan kecantikan mereka dan mereka berkemungkinan akan memasukan rawatan pemutihan serta venir sebagai sebahagian pakej kecantikan," katanya.

Namun sebab utama yang membolehkan perkhidmatan pergigian



PROF Liang Lin

penuh tipu daya itu terus ditawarkan adalah kerana kurang pendidikan dan kesedaran akan akibat jangka panjang.

Kata Profesor Liang Lin, orang ramai tertarik dengan gambar sebelum dan selepas yang menjanjikan penyelesaian rawatan pergigian mudah serta cepat.

"Mereka mudah terperangkap promosi jualan yang meyakinkan. Ia mungkin nampak baik untuk jangka pendek, tetapi kesudahannya anda akan menderita untuk jangka panjang," katanya.

Katanya, prosedur pemutihan membabitkan pemutihan gigi dengan menggunakan krim atau gel yang mengandungi bahan kimia seperti hidrogen peroksida atau karbamida peroksida.

Gel itu disapu pada permukaan gigi selepas proses mengkilap dan penskalan, di mana keseluruhan proses mengambil masa satu jam ke satu jam setengah.

Ia boleh dilakukan di klinik pergigian atau melalui preskripsi (pemutihan di rumah) di mana ia akan dinilai terlebih dahulu di klinik.

Sebaliknya di salon kecantikan, pelanggan berisiko menerima gel pemutih yang tidak menepati piawaian dan boleh memudaratkan gigi serta gusi selain tiada proses penilaian betul diberikan bagi memastikan gigi sesuai menjalani proses pemutihan.

Katanya, antara rawatan lain yang popular di salon kecantikan adalah venir, digunakan dalam beberapa keadaan tertentu antaranya apabila gigi yang kuning tidak sesuai menjalani prosedur pemutihan.

Contohnya, akibat

RAWATAN AGAK PELIK

Sesetengah masyarakat mudah termakan umpan 'doktor gigi' haram



MASIH ramai yang takut dan gerun untuk berjumpa doktor gigi.



JANGAN ambil risiko mendapatkan rawatan pergigian daripada 'doktor gigi haram'.

kesan tetrasiklina yang berlaku apabila seorang ibu mengambil antibiotik tetrasiklina ketika hamil, menyusukan anak atau apabila kanak-kanak mengambilnya ketika gigi sekunder dan utama sedang tumbuh.

Kata beliau, kesan berwarna hitam kelabu itu tidak boleh dirawat melalui proses pemutihan kerana ia dari dalam gigi. Dalam situasi lain pula, venir sesuai digunakan jika gigi tidak rata dan pesakit tidak mahu memakai pendakap, ini termasuk keadaan di mana gigi rosak teruk.

Proses rawatan itu termasuk mengikis nipis struktur gigi dan menampal venir di mana ia dinamakan venir tidak langsung.

"Venir langsung pula di mana doktor gigi akan menggunakan bahan tempalan berwarna gigi untuk menutupi gigi yang kuring lalu mengubah bentuk dan saiz gigi.

"Dengan doktor gigi yang sah, venir jenis tidak langsung dibuat khas dan dihasilkan di makmal pergigian, manakala venir langsung memerlukan kerja tangan yang mahir kerana gigi perlu dibentuk serta



ACUAN gigi yang siap dipangkas dihasilkan dan ia dihantar ke makmal pergigian yang akan membuat jambatannya. - Gambar hiasan

digilap dengan betul bagi memastikan ia kelihatan cantik.

"Jika beri kepercayaan kepada pendandan kecantikan untuk melakukannya, pelanggan mendapat venir yang tidak sepadan hingga menyebabkan gusi bengkak dan berpenyakit," katanya.

Bagi prosedur memasang jambatan pergigian, ia membabitkan proses pemangkas barisan gigi atau gigi bersebelahan yang jarang.

Kemudian, acuan gigi yang siap dipangkas dihasilkan dan ia dihantar ke makmal pergigian yang akan membuat jambatannya.

Manakala perkhidmatan 'doktor gigi' haram pula hanya membabitkan pendawaian gigi palsu ke gigi sebelahnya, ia berisiko menyebabkan gigi reput, masalah gusi dan masalah lain akibat pemakaian gigi yang tidak sepadan.

Untuk rawatan pendakap gigi, ada dua jenis iaitu

kaedah konvensional menggunakan pendakap dan dawai logam atau rawatan terbaharu menggunakan penjarangan lutsinar.

"Pendakap gigi untuk membetulkan gigi tidak rata yang ringan dan tidak serius boleh dilakukan doktor gigi namun begitu, bagi kes yang rumit, anda perlu berjumpa pakar ortodontik," katanya.

Sementara itu, kata Profesor Liang Lin lagi, semua doktor gigi perlu berdaftar dengan MDC dan APC perlu diperbaharui serta dipamerkan di klinik.

Masyarakat juga nasihat beliau, perlu sentiasa berhati-hati dengan produk murah dalam talian yang menawarkan venir, pendakap gigi dan produk pemutihan gigi palsu.

"Jangan ambil risiko kerana kegagalan berjumpa doktor gigi yang betul untuk mendapatkan rawatan pergigian boleh menyebabkan kerosakan gigi dan gusi yang tidak dapat dipulihkan," katanya.


FOTO: ILLUSTRASI: GOOGLE

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : WM

SELASA 20 SEPTEMBER 2022



'DOKTOR GIGI' PASAR MALAM

Masih ramai terpedaya perkhidmatan pergigian yang beroperasi di tempat 'pelik'

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Dengan hanya menonton beberapa video di laman sosial, ada pihak yang berasakan diri mereka sudah 'menjadi' doktor gigi dan berani menawarkan perkhidmatan pergigian tanpa kebenaran.

Perkhidmatan pergigian yang ditawarkan pula beroperasi di tempat 'pelik' sama ada di pasar malam atau pasar pagi, salun kecantikan, bilik sementara di hotel atau kunjungan ke rumah.

Namun apa yang menghairankan, masih ramai yang terpedaya dengan tawaran rawatan

pergigian haram itu dan sanggup memperjudikan nyawa serta kesihatan sendiri.

Isu doktor gigi haram sudah berlarutan bertahun-tahun lamanya dan semakin banyak aduan mengenainya diterima Kementerian Kesihatan (KKM).

Pada 2017 sahaja, KKM menerima 54 laporan dan meningkat ke 130 aduan pada 2019.

Dekan Fakulti Pergigian Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) Profesor Seow Liang Lin berkata, rawatan pergigian yang diberikan pihak yang tidak berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dan bukan pemegang Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan

(APC) atau Sijil Perakuan Pengamalan Sementara (TPC) yang sah untuk memberikan rawatan pergigian di Malaysia, adalah dianggap sebagai haram.

Kata beliau, ada yang melakukan rawatan gigi haram dengan membuka gerai di pasar malam atau pasar pagi dan menyasarkan pengunjungan usia pertengahan serta yang lebih berusia untuk perkhidmatan menggantikan gigi patah.

Malah, ada juga yang beroperasi di salun kecantikan dan menawarkan perkhidmatan estetik seperti pemutihan gigi dan venir untuk menarik perhatian golongan muda.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Jabatan Forensik HRPB kecoh, media dikawal pengawal keselamatan

IPOH - Pekarangan Jabatan Forensik, Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada Isnin kecoh apabila kumpulan media dihalang menghampiri bangunan itu ketika membuat liputan proses tuntutan mayat juruterbang yang terkorban dalam nahas helikopter di Hutan Simpan Chikus, Bidor, minggu lalu.

Kira-kira 12 pengamal media yang sedia menunggu diarahkan untuk tidak menghampiri bangunan itu dan liputan hanya dibenarkan dibuat dari pagar jabatan tersebut.

Lebih mengejutkan, pengawal keselamatan mengekori petugas media yang mahu menggunakan tandas di blok terbabit.

Wartawan *Astro Awani* Perak, Abd Razak Mohd Ali, melahirkan rasa terkilan dengan tindakan sedemikian hingga media dijaga lima pengawal keselamatan.

"Kami memahami tugas semua pihak namun jika dihalang, bagaimana media dapat melaporkan berita yang sahih.

"Aduan telah diajukan kepada Jabatan Kesihatan Negeri

dan pihak hospital bagi mencari penyelesaian terbaik," katanya.

Sementara itu, mayat juruterbang helikopter jenis Eurocopter telah dituntut oleh isterinya yang dikenali sebagai Leung sekitar jam 11.20 pagi.

Kata Leung, abu mayat mendiang Tsz Kin Richard Chan, 58, akan dibawa balik ke Hong Kong selepas upacara dijalankan di Ipoh.

"Satu upacara akan dijalankan terlebih dahulu sebelum dibakar dan abu mayatnya akan dibawa balik," katanya ringkas.

Leung yang menaiki Toyota Alphard bersama majikan mendiang bagaimanapun enggan mendedahkan butiran upacara dan pembakaran mayat yang akan dijalankan.

Sinar Harian melaporkan helikopter jenis Eurocopter EC120B yang dikendalikan Richard Chan terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur pada 11 September lalu.

Pasukan penyelamat berjaya membawa keluar mangsa dari kawasan hutan berkenaan pada Isnin lalu selepas 22 jam helikopter dilaporkan hilang.



Petugas media dikawal pengawal keselamatan yang tidak dibenarkan menghampiri bangunan Jabatan Forensik, HRPB Ipoh.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : DALAM NEGERI

Pod vape pakai buangancam remaja

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

MELAKA: Trend pod vape pakai buang yang semakin popular dalam kalangan penghisap vape dilihat berpotensi mendatangkan 'ancaman baharu' kepada masyarakat.

Jika dahulu kos untuk memiliki rokok elektronik memerlukan perbelanjaan besar sehingga ratusan ringgit, namun, kini peranti berkenaan boleh dibeli oleh semua golongan termasuk pelajar sekolah kerana dijual terlalu murah di bawah RM10 berdasarkan jumlah sedutan ditawarkan.

Perkembangan itu mewujudkan kebarangkalian pertambahan pengguna baharu terutama kelompok bawah umur, yang mana ia tidak membantu mengurangkan jumlah perokok sedia ada.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Yang Dipertua Iktan Muslimin Malaysia (Isma) Melaka Tengah, Dr. Khair Razlan Othman berkata, kerajaan perlu memperkenalkan harga lantai seperti mana diaplikasi-



POD pakai buang kini ditawarkan pada harga serendah RM10 dan bebas dijual secara dalam talian termasuk di platform-platform terkemuka. -UTUSAN/HADI AB. MANAP

kan terhadap penjualan produk tembakau.

Beliau berkata, meskipun rata-rata kedai menjual vape

ada menguatkuasakan larangan memasuki dan membeli untuk individu berusia 18 tahun ke bawah, namun, ia belum dilihat



KHAIKHAIR RAZLAN OTHMAN

memadai kerana akses penjualan bebas secara dalam talian termasuk di platform-platform terkemuka.

"Kalau rokok pengguna perlu mendapatkan secara fizikal, tidak boleh melalui dalam talian. Kerajaan perlu melihat daripada sudut penggunaan vape khususnya trend pod pakai buang ini. Naratif yang diguna pakai oleh penghisap vape ini adalah untuk mengurangkan ketergantungan terhadap rokok."

"Walhal daripada pengamal perubahan, vape bukanlah

satu pilihan yang selamat untuk menggantikan rokok. Kalau rokok kandungannya perlu didehidkan dan pada kadar yang tertentu, tapi kapasiti vape ini boleh dipertikai keselamatannya berdasarkan faktor produk yang dahulunya berat ringgit kini dijual di bawah RM10.

"Kita takut usaha giat kerajaan untuk mewujudkan generasi bebas rokok berada pada *game* yang salah. Usaha untuk memantapkan tabiat merokok ini tetapi jika tiada pemantauan terhadap perkembangan industri vape, ia mewujudkan satu ruang yang lain, yang mungkin lebih parah," katanya ketika ditemui.

Untuk rekod, industri vape negara ini bernilai RM2.27 bilion seperti didedahkan Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM).

Dalam kenyataan dikeluarkankannya tahun lalu sempena pelancaran laporan bertajuk Kajian Industri Vape Malaysia, DPVM telah menyeru kerajaan untuk serta-merta memperkenalkan peraturan yang sewajarnya bagi mencipta kesan pengganda positif ke atas ekonomi Malaysia.

Pod dijual terbuka termasuk di kedai makan

MELAKA: Orang ramai meminta pihak berkuasa memantau penjualan pod pakai buang yang didakwa ditawarkan secara terbuka termasuk di kedai-kedai makan dan restoran.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, kakitangan swasta, Nur Hazwani Abdul Wahid, 31, berkata, ia dibimbangi akan melahirkan lebih ramai generasi muda yang terlibat dengan aktiviti tidak sihat berikutan peranti itu mudah didapati di pasaran serta murah.

Katanya, kerajaan khususnya perlu memantau dan menyekat penjualan secara terbuka bagi mengelakkan golongan bawah umur membelinya.

Jelasnya, kelompok remaja dilihat mudah terpengaruh terutamanya selepas melihat iklan yang mempromosikan produk berkenaan berleluasa dalam laman sosial.

"Kerajaan harus mempunyai satu mekanisme khusus untuk mengawal lambakan iklan vape seperti lesen khas atau permit kebenaran. Secara tidak langsung



TUN MASTURA WAN LOKMAN



MUHAMMAD IZZAT MAILIS



NUR HAZWANI ABDUL WAHI

pihak berwajib dapat mengawal selia para penjual yang berdaftar.

"Pastikan setiap pemegang lesen mematuhi syarat-syarat penjualan dan jika ingkar, tindakan tegas boleh diambil seperti denda, lesen ditarik balik atau penjara," katanya.

Sementara itu, Muhammad Izzat Mailis, 30, pula berkata, syarat penjualan vape perlu diperketat termasuk mengarahkan pengendali platform dalam talian mengeluarkan iklan berkaitan peranti tersebut.

"Sangat sukar untuk mengawal transaksi pembelian dalam

talian kerana semakin status pelanggan seperti had umur tidak boleh dilakukan," katanya.

Dalam pada itu, Tun Mastura Wan Lokman, 34, berkata, produk vape perlu berdaftar secara sah dengan agensi khusus bagi memastikan kualiti peranti dan kandungannya tidak membahayakan keselamatan orang ramai.

"Ibu bapa dan pihak sekolah pasti resah dengan trend ini kerana pod pakai buang ini begitu mudah didapati. Lebih parah apabila peranti itu sukar dikesan kerana saiznya yang kecil.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

3.2% drop in new Covid cases

KUALA LUMPUR: A total of 13,627 new Covid-19 cases were recorded for the 37th Epidemiological Week (ME 37/2022) from Sept 11 to 17 compared with 14,072 in ME 36/2022, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, adding that the figures indicated a drop of 3.2%.

"The average daily active cases for ME 37/2022 was 26,378, which decreased by 4.1% compared with the week before," he said in a statement yesterday on the current Covid-19 infection situation.

Noor Hisham also said there were 31 deaths recorded in ME 37/2022, which was a drop of 8.8% compared with 34 cases the week before.

On the number of recovery cases, he said it was also lower by 16%, with 14,513 cases for ME 37/2022 compared with 17,286 the week prior.

On admissions of Covid-19 patients at public hospitals for every 100,000 population in ME 37/2022, Noor Hisham said there was a drop of 6.7% for Category One and Two patients while there was no change for categories Three, Four and Five.

"The percentage of Covid-19 bed occupancy showed a fall of 1% for non-critical beds while beds at intensive care units and Low Risk Covid-19 Treatment Centres fell by 2%.

"There was no change to the percentage of Covid-19 patients on ventilators as well," he said, adding that the number of positive cases monitored by the Covid-19 Assessment Centre nationwide was also lower.

On the infectivity rate, Noor Hisham said it increased to 0.96 in ME 37/2022 compared with 0.92 the week before. - Bernama